

Soalan No: 12

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 31.7.2017

SOALAN :

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tarikh spesifik pembinaan SJKT Sungai Bakap, nombor lot tanah, kontraktor yang diberikan tender untuk membina sekolah dan jumlah peruntukan untuk membina sekolah baru ini memandangkan sekolah tersebut sangat uzur dan telah pun menerima notis dari tuan tanah untuk mengosongkan tanah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sg Bakap telah diberikan tapak seluas empat (4) ekar di atas Lot 3117 (PT 132), Mukim 5, Daerah Seberang Perai Selatan bagi tujuan pembinaan sekolah gantian penuh. Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.5 juta di bawah Pakej Rangsangan Khas (PRK) 2013 bagi pembinaan bangunan baharu sekolah tersebut. Memandangkan tapak yang diperuntukan itu berbukit maka KPM memerlukan peruntukan tambahan untuk kerja-kerja tanah kawasan tersebut. Pada masa yang sama, pihak

sekolah perlu mengemukakan permohonan perpindahan ke tapak baharu dan mendapat kelulusan YB Menteri Pendidikan sebelum sebarang pembinaan sekolah ini boleh dilaksanakan.

RJM46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
TARIKH : 31.07.2017
SOALAN : NO. 13

Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang mengkaji semula Sistem Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) dengan mendapatkan kerjasama saringan polis atau tapisan Imigresen terhadap pelajar dari luar negara seperti dilakukan terhadap kemasukan pekerja asing dan nyatakan jumlah kes jenayah yang dilakukan oleh pelajar asing serta impaknya terhadap industri pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa bekerjasama dalam memastikan hanya pelajar antarabangsa yang benar-benar tulen (genuine) dan mematuhi syarat yang ditetapkan sahaja boleh belajar di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara.

KPT juga turut melaksanakan pelbagai usaha termasuk membangunkan satu sistem saringan dinamakan STARS (Student Application and

Registration System) yang berperanan dalam mengesan lebih awal cubaan-cubaan pemohon yang menggunakan identiti palsu, menggunakan transkrip pengajian palsu atau diubahsuai, verifikasi keputusan akademik dan cubaan memalsukan salinan pasport; sebelum dikemukakan kepada JIM untuk kelulusan Visa Pelajar.

Mengikut kepada statistik permohonan Visa Dengan Rujukan (VAL) pada tahun ini iaitu sehingga Julai 2017, sebanyak 5.5% dari 19,093 permohonan yang ditolak.

Pada tahun 2015, seramai 122,061 pelajar antarabangsa mengikuti pengajian diperingkat pendidikan tinggi di Malaysia manakala bilangan tahun 2016 meningkat kepada 132,710 orang. Peningkatan pelajar antarabangsa dapat memberi impak positif kepada industri pendidikan tinggi negara kerana ia mampu menaikkan nama negara di peringkat global.